

# Jual bayi RM10,000

Herian metro 7/10/07 1206 MS 10A

## Wanita Indonesia dicekup ketika buat transaksi

>>Oleh Alias Abd Rani

alias@hmetro.com.my

**B**A T U K A W A : RM10,000. Itulah harga ditetapkan untuk mendapatkan seorang bayi perempuan berusia 25 hari sebelum sindiket penyeludupan manusia beroperasi di Bandar Baru Batu Kawa di sini, ditumpaskan polis, malam kelmarin.

Seorang wanita warga Indonesia berusia 32 tahun dipercayai dalang sindiket terbabit, cuba menjual bayi berkenaan kepada dua anggota polis yang menyamar pasangan suami isteri, sebelum dia diberkas di sebuah restoran makanan segera, kira-kira jam 9 malam.

Suspek dipercayai menjadikan pasangan berkahwin tidak mempunyai anak sasaran menjual bayi berkenaan.

Difahamkan, sebelum ditahan, satu temu janji diatur antara sindiket terbabit dengan bakal pembeli di sebuah restoran bagi mendapatkan bayi itu dipercayai diseludup dari Kalimantan, Indonesia, dengan harga RM10,000.

Dua anggota polis menyamar sebagai suami isteri menghampiri wanita berkenaan sambil berpura-pura mahu membeli bayi itu sebelum perbincangan lanjut diadakan.

Kedua-dua anggota polis terbabit pergi ke tempat diarahkan sindiket terbabit selepas mengaku tidak memiliki anak walaupun lama mendirikan rumah tangga.

Sebaik tiba di tempat dijanjikan itu, wanita terbabit bersetuju menjual bayi berkenaan, namun belum sempat transaksi dilakukan, kedua-dua anggota polis berkenaan menunjukkan kad kuasa lalu menahannya.

**SELAMAT...anggota polis mendukung bayi berusia 25 hari cuba dijual sindiket.**



Turut ditahan seorang lelaki tempatan berusia 20-an dipercayai mempunyai kaitan dengan kes berkenaan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Senior Asisten Komisioner II Huzir Mohamed berkata, pihaknya mengesahkan polis menyerbu sebuah restoran makanan segera dan berjaya menyelamatkan bayi berkenaan.

Beliau berkata, maklumat awal menunjukkan bayi berkenaan diseludup masuk oleh suspek untuk diserahkan kepada sindiket tertentu sebelum dijual di sekitar bandar raya ini.

"Sebelum itu, anggota kami sudah mengesan aktiviti berkenaan dan menghubungi sindiket terbabit dengan menyamar sebagai pasangan suami isteri dan menyatakan minat membeli bayi berkenaan pada harga RM10,000.

"Bagaimanapun, selepas bertemu suspek, dia akhirnya ditahan dan bayi seberat 1.8 kilogram itu berjaya diselamatkan," katanya.

Menurutnya, berdasarkan

maklumat diperoleh, sindiket berkenaan menggunakan lorong tikus di sempadan Malaysia-Indonesia untuk membawa masuk bayi baru lahir ke negara ini sebelum disembunyikan di sebuah rumah di sini.

Beliau berkata, polis masih menjalankan siasatan sama ada wanita berkenaan orang tengah atau ibu kepada bayi berkenaan bagi membolehkan pendakwaan dilakukan terhadapnya.

"Bayi itu diserahkan kepada Hospital Umum Sarawak (HUS) bagi pemeriksaan sebelum diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk perlindungan sementara.

"Selain suspek wanita, kita menahan seorang lelaki tempatan juga pemandu suspek. Kita meniasat kemungkinan dia terbabit dengan sindiket berkenaan," katanya.

Beliau berkata, suspek kini direman 14 hari mengikut Akta Imigresen kerana kesalahan memasuki negara ini tanpa dokumen sah.